

Hayati Ibrahim  
ya\_t@hmetro.com.my

**Putrajaya**

**K**erajaan bercadang meminda Akta Pendidikan 1996 atau Akta 550 bagi membolehkan soal pendaftaran institusi pendidikan agama swasta termasuk sekolah tahfiz dimasukkan dalam akta berkenaan.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, langkah itu bagi memberi kuasa kepada kerajaan Persekutuan menyelaras dari segi pentadbiran dan bantuan kewangan terhadap sekolah itu.

"Ketika ini, soal sekolah agama swasta tidak tercatat dalam Akta 550 dan tidak tertakluk pada akta ini, jadi mesyuarat Jawatankuasa Peringkat Tinggi (HLC) Mengenai Pasukan Petugas Khas Sekolah sekolah Tahfiz yang pertama hari ini (semalam) mencadangkan ia dimasukkan dalam akta berkenaan.

"Kami membawa cadangan ini ke mesyuarat Kabinet esok (hari ini) dan jika diterima dan perlu dipinda ia dibawa ke Dewan Rakyat dan Dewan Negara untuk diluluskan sebelum mendapatkan perkenan Yang di-Pertuan Agong," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat berkenaan, di sini, semalam.

Mesyuarat yang berlangsung lebih dua jam itu turut dihadiri Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom, Menteri Wilayah Persekutuan Datuk

Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Rohani Karim, Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Idris Jusoh, Menteri Pendidikan Datuk Seri Mahdzir Khalid, Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Tan Sri Noh Omar.

Bagaimanapun, Ahmad Zahid berkata, perkara berkenaan juga perlu dibincangkan dengan kerajaan negeri memandangkan pengurusan sekolah itu kini di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

Berkutan itu, beliau berkata, Jamil Khir diberi tanggungjawab berhubung dengan

kerajaan negeri bagi membincangkan cadangan itu.

"Kita perlu jelaskan kepada kerajaan negeri dahulu, kemudian boleh pinda. Agama Islam berada di bawah kerajaan negeri dan itu perlu dihormati, jadi perlu ada kerjasama rapat dengan mereka kerana perkara ini sangat sensitif.

"Kami amat prihatin terhadap masalah ini biarpun di bawah bidang kuasa negeri, tetapi kerajaan Pusat ambil peduli. (Jadi), demi kepentingan bersama saya harap mereka (kerajaan negeri) setuju," katanya.

Beliau berkata, antara cadangan lain diketengahkan dalam mesyuarat berkenaan adalah mewujudkan kerangka kriteria kelulusan bagi pembentukan dan pengurusan maahad tahfiz se-

luruh negara dengan spesifikasi piawaian oleh pihak berkuasa tempatan (PBT), jabatan bomba dan penyelamat dan agensi penguatkuasaan lain.

Selain itu, katanya, mesyuarat pihaknya turut mengesyorkan piawaian minima yang harus dipatuhi setiap premis maahad tahfiz termasuk rumah anak yatim, sekolah agama, tadika dan pusat jagaan kanak-kanak serta orang tua.

"Kami juga galakkan penubuhan bomba sukarela di premis berkenaan. Malah, pendaftaran maahad tahfiz perlu diselaraskan antara kerajaan negeri dan kerajaan Persekutuan supaya tidak timbul soal prasangka pengambilan dan pertindihan



# Syor pinda Akta 550

■ Peluasan kuasa sekolah tahfiz memudahkan pentadbiran, bantuan kewangan kerajaan

**“ Kita perlu jelaskan kepada kerajaan negeri dahulu, kemudian boleh pinda Ahmad Zahid Hamidi ”**

kuasa antara kedua-dua pihak.  
"Syor lain adalah pengawalan dan tanggungjawab bersama antara kerajaan negeri dan Persekutuan untuk menyelaraskan pentadbiran dan memberikan penyuluran kewangan jika perlu," katanya.  
Ahmad Zahid berkata, semua cadangan itu turut dibawa pada Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) yang dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak, petang semalam.